

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                                     | <b>Akhbar</b> |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.         | Dr Fatehah usaha rawat sisa buangan industri                                                     | Berita Harian |
| 2.         | <i>MOSTI Track Autism</i> menang anugerah di Sepanyol                                            | MyNewShub     |
| 3.         | Angkasa menang pertandingan Aplikasi Satelit Navigasi Eropah                                     | BERNAMA       |
| 4.         | <i>MOSTI Track Autism</i> gadget wins special prize in European Satellite Navigation competition | BERNAMA       |
| 5.         | Track autism gadget wins special prize in European Satellite Navigation competition              | The Sun Daily |
| 6.         | Corporate security in the digital age                                                            | The Star      |
| 7.         | Terengganu peruntuk RM2 Juta hadapi banjir - SKN                                                 | BERNAMA       |
| 8.         | Siap siaga hadapi banjir                                                                         | Harian Metro  |
| 9.         | Azmin perlu ketepi politik, selesai isu air segera                                               | Berita Harian |

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V4**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

PENERIMA ANUGERAH L'OREAL-UNESCO FOR WOMEN IN SCIENCE 2016

## Dr Fatehah usaha rawat sisa buangan industri

### info

#### Dua jenis sisa buangan kilang / industri

→ Sisa produksi yang terhasil daripada proses pembuatan produk di kilang / industri.  
→ Sisa bukan produksi yang terhasil daripada aktiviti pentadbiran atau pengurusan di pejabat, kantin, persekitaran dan sebagainya di dalam kawasan kilang / industri.

Oleh **Maria Uffa Zulkafeli**  
maria.uffa@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ebimbangan terhadap masalah pencemaran sungai yang tidak berkesudahan mendorong Dr Fatehah Mohd Omar menjalankan penyelidikan terperinci bagi mencari kaedah terbaik merawat air sisa buangan industri.

Saintis yang juga pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkata, penyelidikan terbahit bermula awal tahun ini dengan memfokus kepada kajian sifat asas bahan pencemar dalam air sisa berkenaan.

Beliau berkata, penyelidikan dilakukan bersendirian itu bertujuan menemukan kaedah rawatan kimia berdasarkan

pengetahuan mengenai dua sifat asas yang dikaji, iaitu cas permukaan air dan saiz partikel bahan pencemar terbahit.

#### Jimatkan masa, kos

"Usaha ini diyakini mampu menemukan suatu proses rawatan yang dijangka dapat menjimatkan masa dan kos, selain memberi manfaat kepada manusia serta alam sekitar, sekaligus mengurangkan risiko pencemaran," katanya.

Sambil mengaku inisiatif itu mendapat sokongan penuh bapanya, Prof Ir Dr Mohd Omar Ab Kadir yang juga pensyarah di USM, Dr Fatehah mengaku kemelut pencemaran sungai akibat air sisa buangan industri yang disaksikan sendiri menyemarak inspirasi untuk menjalankan penyelidikan berkenaan.

"Sebagai generasi pelapis negara, saya rasa bertang-

gungjawab melakukan sesuatu berhubung perkara itu kerana kita berhak untuk menikmati bekalan air dan persekitaran yang bersih.

#### Cari tenaga pakar

"Setakat ini, saya masih bergerak solo tetapi pada masa sama, berusaha mencari beberapa tenaga pakar berkaitan untuk berkolaborasi memperoleh hasil lebih baik," katanya.

Terbaru, inisiatif penyelidikan Dr Fatehah turut diiktiraf apabila terpilih sebagai seorang daripada tiga penerima Anugerah L'Oréal-UNESCO For Women in Science 2016.

Mengulas pencapaian itu, beliau berkata, anugerah berkenaan bukan sahaja penghargaan cukup bermakna kepada diri, malah menyuntik galakan untuk terus menjalankan penyelidikan yang memberi manfaat kepada alam sekitar dan manusia.



### profil

#### Dr Fatehah Mohd Omar

**Umur:** 35 tahun  
**Tempat lahir:** Amerika Syarikat  
**Status:** Berkahwin  
**Bilangan anak:** 5 orang  
**Pendidikan rendah:** Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lanchang, Pulau Pinang  
**Pendidikan menengah:** Sekolah Menengah Kebangsaan (PM) St George, Pulau Pinang  
**Pendidikan tinggi:**  
→ Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Persekitaran), USM  
→ Ijazah Sarjana Teknologi (Persekitaran), USM  
→ Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Sains Alam Sekitar, University of Geneva, Switzerland



Dr Fatehah ketika meninjau kawasan kajian di ladang kelapa sawit.



Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah, menyampaikan Anugerah L'Oréal-UNESCO For Women in Science 2016 kepada Dr Fatehah.

# MYNEWSHUB



---

## MOSTI Track Autism Menang Anugerah Di Sepanyol

KUALA LUMPUR – **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)** memenangi Pertandingan Aplikasi Satelit Navigasi Eropah 2016 di Circulo De Bellas Artes De Madrid, Sepanyol baru-baru ini.

Angkasa dalam satu kenyataan media berkara, agensi dibawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** itu memenangi pertandingan tersebut melalui produk penyelidikannya iaitu *MOSTI Track Autism*.

Lebih menarik, menurut Ketua Pengarah Angkasa yang juga ketua penyelidik projek itu, Dr. Noordin Ahmad, Angkasa bekerjasama dengan pusat PERMATA Kurnia untuk menguji prototaip sistem itu.

"Produk ini telah menerima anugerah khas '*BELS Special Prize*' dalam pertandingan yang dianjurkan oleh 'European Commission', 'European Space Agency' dan 'European GNSS Agency'.

"Sebagai ganjarannya, Angkasa menerima tawaran untuk menjalani program inkubasi di Eropah selama enam bulan untuk menyiapkan produk itu supaya boleh dikomersilkan di pasaran.

"Semua kos perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak penganjur sepanjang program," kata kenyataan itu hari ini.

*MOSTI Track Autism* adalah sistem yang dibangunkan menggunakan teknologi navigasi satelit dan diintegrasikan dengan teknologi komunikasi mudah alih.

Melalui sistem itu, kanak-kanak autisme dipakaikan dengan alat pengesanan satelit navigasi GPS berbentuk jam tangan dan ibu bapa dapat mengesan lokasi kedudukannya pada setiap masa dengan hanya melalui aplikasi pada telefon pintar.

Menerusi aplikasi itu juga, ibu bapa turut boleh menentukan zon kawasan maya serta tempoh waktu untuk aktiviti harian tertentu bagi kanak-kanak autisme.

Satu notifikasi menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) akan dihantar kepada ibu bapa sekiranya kanak-kanak tidak berada di dalam zon kawasan maya yang ditetapkan.

"Ini dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan terhadap kanak-kanak autisme, dan juga tekanan dan kerisauan ibu bapa," kata kenyataan itu lagi. – MYNEWSHUB.CC



## Angkasa Menang Pertandingan Aplikasi Satelit Navigasi Eropah

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)** merupakan antara pemenang Pertandingan Aplikasi Satelit Navigasi Eropah 2016 sekali gus membuktikan keupayaan penyelidik tempatan.

Kejayaan itu dicapai melalui produk penyelidikan 'ATTracT' (Autism Trigger, Tracking and Trace) atau lebih dikenali sebagai **MOSTI Track Autism** yang menerima anugerah khas 'BELS Special Prize'.

Sebagai ganjaran, Angkasa ditawarkan menjalani program inkubasi selama enam bulan di Eropah untuk mempersiapkan produk itu bagi tujuan pengkomersialan dengan segala semua kos ditanggung penganjur program.

Dalam kenyataan hari ini, Angkasa menjelaskan penggunaan alat yang menggunakan teknologi navigasi satelit dan diintegrasikan dengan teknologi komunikasi mudah alih itu boleh mengurangkan risiko kemalangan bagi kanak-kanak autistik serta kerisauan ibu bapa.

Pertandingan itu dianjurkan oleh European Commission, European Space Agency dan European Global Navigation Satellite Systems Agency.

-- BERNAMA



## **MOSTI Track Autism Gadget Wins Special Prize In European Satellite Navigation Competition**

KUALA LUMPUR, Oct 26 (Bernama) -- The **National Space Agency (Angkasa)** was among winners of the 2016 European Satellite Navigation Application Competition, thus proving the ability of local researchers.

The win came through the Autism Trigger, Tracking and Trace research product better known as MOSTI Track Autism which received the BELS Special Prize.

As a reward, Angkasa was offered to undergo a six-month incubation programme in Europe to prepare for the commercialisation of the product and all costs will be borne by the programme organiser.

In a statement today, Angkasa explained that the use of the satellite navigation technology tool which has been integrated with mobile communication technology could reduce the risk of accidents among autistic children.

The competition was organised by the European Commission, European Space Agency and European Global Navigation Satellite Systems Agency.

-- BERNAMA



## **Track autism gadget wins special prize in European Satellite Navigation competition**

**KUALA LUMPUR:** The National Space Agency (Angkasa) was among winners of the 2016 European Satellite Navigation Application Competition, thus proving the ability of local researchers.

The win came through the Autism Trigger, Tracking and Trace research product better known as Mosti Track Autism which received the BELS Special Prize.

As a reward, Angkasa was offered to undergo a six-month incubation programme in Europe to prepare for the commercialisation of the product and all costs will be borne by the programme organiser.

In a statement today, Angkasa explained that the use of the satellite navigation technology tool which has been integrated with mobile communication technology could reduce the risk of accidents among autistic children.

The competition was organised by the European Commission, European Space Agency and European Global Navigation Satellite Systems Agency.

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 20  
TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)



Goh says cyber criminals are becoming ambitious and sophisticated.

## Corporate security in the digital age

Both private and public sectors must be proactive in handling cyber threats, say experts

THE Government and companies need to look into enhancing the national cyber security strategy and ensure the industry is well-equipped to manage the growing threat of cyber-enabled financial crimes, urged industry experts during a panel discussion at the recent Cyber Security Malaysia Awards, Conference & Exhibition (CSM-ACE).

The panel, which focused on the convergence of cyber and financial crimes, discussed at length the present landscape, trends, issues and solutions available.

There was also a presentation on the Bangladesh Bank heist – the most lucrative such known attack – and the evolution of attacks on financial institutions, by BAE Systems senior cybersecurity solutions consultant Goh Su Gim.

"At a macro level, we are seeing a lot more cyber-enabled financial crimes.

"Attacks have never been so extensive, sophisticated or ambitious, with cyber criminals becoming much more persistent and targeted in their methods.

"In the recent Bangladesh Bank heist, we can see that cyber criminals today are no longer only targeting the mass public and machines, but increasingly lucrative targets such as banking infrastructure.

"If we do not get ahead of today's cyber criminals, surely the next targets are even bigger fish like automated trading platforms and stock markets," Goh said.

"Companies and governments must have robust incident response plans in place, and utilise data analytics to discover breaches in networks before real damage is done, as it is not a case of if an organisation will be attacked, but when," he added.

Speaking on cyber security at the national level, panellist Datuk Akhbar Satar, president of the Association of Certified Fraud Examiner in Malaysia, called for an update and broadening of the national cyber security strategy as well as upskilling of individuals and most senior business leaders.

Sime Darby Group IT Risk & Security Management head Aizuddin Ghazali concurred, noting that from a corporate perspective, companies must protect rewarding risks and manage unrewarding risks in order to allow businesses to continue to grow in this environment of growing threats.

"Businesses should not wait for the Government to make them protect them-

**Companies and governments must have robust incident response plans in place, and utilise data analytics to discover breaches in networks before real damage is done.**

Goh Su Gim

selves against cyber threat, they should already be doing it, because the cost of negligence is the cost of your job," Aizuddin said.

Panellist and Cyber Security Malaysia (CSM) Digital Forensics Department head Zabri Adil on the other hand, highlighted that the war on cyber attacks is and will always be slow and constant and that there will never be a point in time when the "war is won", which is why securing networks is not enough, and that it is now about "having defence".

To stay ahead of the curve, Goh said companies and governments need to ramp up efforts in analytics, threat intelligence and monitoring to better understand cyber criminals and their motivations.

BAE Systems was presented with the Cyber Security Company of the Year award at the CSM-ACE.

The company took home the same award in 2014 as well as Cyber Security Outreach Provider of the Year in 2015.

Organised by CSM, the nation's cyber security specialist agency under Science

Technology and Innovation Ministry

(Mosti), the exhibition is created to honour individuals and organisations for their contribution to Malaysia's cyber security or information security.

"This award is testament to the excellent work BAE Systems is doing here in Malaysia, consistently delivering for our clients while improving the understanding and awareness in the local industry," said BAE Systems Applied Intelligence head of Malaysia Barry Johnson, who accepted the award from Mosti Minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau.



## Terengganu Peruntuk RM2 Juta Hadapi Banjir - SKN

KUALA TERENGGANU, 26 Okt (Bernama) -- Terengganu memperuntuk RM2 juta sebagai persediaan menghadapi banjir tahun ini termasuk menghantar stok bekalan kepada 18 depoh di seluruh negeri.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail berkata sebanyak 494 pusat pemindahan juga telah dikenal pasti yang dapat menampung 133,729 mangsa.

"Besut adalah daerah yang paling banyak pusat pemindahan iaitu 132 diikuti Hulu Terengganu (87), Kemaman (80), Dungun (63), Marang (53), Kuala Terengganu (41) dan Setiu (35).

"Sebanyak 153 pegawai dan 3,029 kakitangan dari enam jabatan dan agensi kerajaan telah bersedia untuk memberi sepenuh komitmen sepanjang banjir berlaku kelak," katanya kepada pemberita.

Beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negeri kali ketiga di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Roslee Daud dan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman.

Enam jabatan dan agensi yang akan terlibat dalam menghadapi banjir nanti ialah Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, APM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

Mengulas lanjut, Wan Nawawi berkata 160 stor pangkalan hadapan juga telah disediakan iaitu 48 di Hulu Terengganu, Kemaman (31), Setiu (25), Besut (21), Marang (17), Dungun (14) dan empat di Kuala Terengganu.

"**Jabatan Meteorologi Malaysia** Terengganu memaklumkan kita telah berada dalam musim peralihan monsun dan fenomena monsun timur laut dijangka bermula pada minggu pertama atau minggu kedua November sehingga Mac tahun depan.

"Keseluruhannya persiapan kita sudah berada di tahap yang terbaik dan seterusnya ketika ini ialah pemantauan laporan cuaca oleh Jabatan Meteorologi dan fenomena air pasang besar oleh Jabatan Pengairan dan Saliran untuk kita bersedia dengan pelan tindakan.

"Komuniti di peringkat daerah melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung juga telah diberikan pendedahan berkaitan dengan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir seperti latihan asas keselamatan dan simulasi menyelamatkan ketika bencana berlaku.

"Semua penyelarasan persiapan telah pun dilakukan dan kita berharap semua jabatan dan agensi yang terlibat kelak dapat melaksanakannya dengan lancar," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (RENCANA) : MUKA SURAT 32  
TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)



Ahmad Zahid (dua dari kanan) disertai Ahmad Shabeery (dua dari kiri), Tengku Putera (kanan) melihat barangan bantuan keperluan mangsa banjir pada majlis pelancaran BKN 2016.

Helmy Abd Rahman  
helmy\_rahman@hmetro.com.my

**C**ukai: Tidak perlu menunggu bencana tiba, tetapi sebaliknya orang ramai boleh segera berpindah ke pusat pemindahan sementara sebaik ada ramalan dan amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia menerusi pelbagai saluran media.

Itu antara agenda utama Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) 2016 yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Kemaman

# SIAP SIAGA HADAPI BANJIR

■ **Kempen Bulan Kesiapsiagaan Nasional tingkat kesedaran masyarakat dari segi perpindahan jika berlaku bencana**


Waterfront, di sini.

Beliau berkata, pihaknya mendapati pada masa kini tahap kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai perkara itu masih berada pada tahap sederhana.

"Jika diukur mengikut skala daripada 10, tahap kesedaran hanya berada pada angka lima dan amat penting untuk meningkatkan kesedaran kepada mereka."

"Bagi pihak kerajaan, kami sudah bersedia 100 peratus, sebab itu kami wujudkan NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara)," katanya ketika sidang media selepas majlis pelancaran BKN 2016.

Hadir sama Menteri di



# SAMBUNGAN... HARIAN METRO (RENCANA) : MUKA SURAT 33 TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

FOTO ROZANAH ZAKARIA DAN ASWADI ALIAS



DEMONSTRASI menyelamat pada majlis pelancaran BKN 2016 di Kemaman Waterfront, Chukai Kemaman, Terengganu.

Ahmad Zahid berkata, BKN 2016 juga menyasarkan negara menuju ke arah pengurangan risiko supaya Majlis Keselamatan Negara dapat memberi fokus kepada mangsa bencana.

"Maka amat penting untuk kami membudayakan kesiapsiagaan. Bagaimanapun, kami memerlukan respons orang awam bila bencana berlaku bukan mereka hanya menjadi pemerhati bila bantuan disediakan," katanya.

Sementara itu, Rohani berkata, kerajaan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat memperuntukkan RM3 juta kepada setiap negeri yang sering dilanda banjir sebagai persediaan berdepan musibah berkenaan pada tahun ini.

"Peruntukan ini disalurkan kepada 73 pusat pemindahan berkapasiti besar iaitu 2,131 sekolah yang sesuai, 3,004 dewan orang ramai, balai raya dan pusat komuniti.

"Stok yang kami sediakan cukup untuk tiga hari dan kemudian kami akan tambah mengikut keperluan.

"Setiap barangan keperluan kecuali barangan makanan sudah kami hantar ke lima depot besar di seluruh negara iaitu di Bidong, Kedah, Sungai Buloh, Selangor, Kemuning, Kelantan, Marang, Terengganu dan Muar, Johor," katanya.

Menurutnya, JKM juga sudah menambah baik setiap pusat pemindahan selain menyediakan 183 kaunselor untuk membantu mangsa banjir daripada aspek psikologi.

Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga Ahli Parlimen Kemaman Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim serta Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian dan Perdagangan negeri Datuk Tengku Putera Tengku Awang mewakili Menteri Besar Terengganu Ahmad Razif Abd Rahman.



**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (HALAMAN KOTA) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

## **Azmin perlu ketepi politik, selesai isu air segera**

**Seremban:** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dinasihat menyelesaikan masalah air di negeri itu tanpa menuding jari mencari kesalahan orang lain.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata keutamaan perlu sentiasa diberikan terhadap penyelesaian masalah rakyat tanpa membabitkan kepentingan peribadi atau politik.

"Sebagai pemimpin, apabila berhadapan isu kesejahteraan rakyat, kita perlu ketepikan kepentingan politik. Saya harap kita jangan cuba menjadi juara, jangan cuba mengambil kesempatan di atas kesengsaraan orang lain.

"Saya tidak berminat 'berbalas pantun' (saling tuding jari), biar dia (Mohamed Azmin) nak kata apa, tapi terbukti daripada laporan teknikal, tiada pencemaran atau sabotaj di kawasan didakwa sebelum ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

### **+ Kesan tumpahan minyak**

Katanya, pasukan siasatan teknikal dianggotai Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kimia dan Jabatan Perhutanan, hanya menemui kesan tumpahan minyak akibat kemalangan lori tangki di Kilometer 45.9 Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE).

Mengenai masalah Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, Mohamad berkata, keadaan itu mungkin berlaku akibat peningkatan paras amonia berikutan penurunan paras air sungai berkenaan, seperti yang pernah berlaku di Port Dickson, sebelum ini.

"Kita menambah kandungan bahan kimia terutama klorin di kolam LRA terbabit, sekaligus membolehkan ia terus beroperasi. Air yang diproses itu selamat digunakan walaupun sedikit berbau.

"(Selangor) mungkin boleh guna cara ini untuk selesaikan masalah, daripada tulis (dakwa) macam-macam, kata sabotaj dan sebagainya," katanya.

### **Masih dalam siasatan**

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri masih meneruskan siasatan berhubung punca pencemaran dari negeri ini yang dikatakan mencemarkan Sungai Semenyih di Selangor.

Pengarahnya, Norhazni Mat Sari, berkata satu pasukan jabatan itu ke Kilometer 45.9 Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) arah utara, sekali lagi semalam, untuk mengambil sampel minyak dikatakan akibat tumpahan dari sebuah lori tangki di situ.

Katanya, pasukan itu turut menghubungi Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd (PLUS) yang mengendalikan lebuhraya itu.

"Kita mengambil lebih banyak sampel, terutama tanah tercemar untuk dihantar ke Jabatan Kimia," katanya ketika dihubungi, semalam.